

Harga tiket penerbangan domestik sudah turun

Samadi Ahmad
am@hmetro.com.my



WEE Ka Siong melancarkan Kempen Keselamatan Jalan Raya dan Op Bersepadu Bersempena Sambutan Aidilfitri 2022. FOTO Samadi Ahmad

Putrajaya: Harga tiket penerbangan kelas ekonomi sehala ke kebanyakan destinasi dari Semenanjung ke Wilayah Sabah dan Sarawak sudah menunjukkan penurunan ketara.

Ia membabitkan tempoh penerbangan untuk musim perayaan Aidilfitri tahun ini iaitu daripada 27 April hingga 8 Mei.

Ini adalah hasil perbincangan proaktif Kementerian bersama Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) dan syarikat-syarikat penerbangan domestik serta mendapat kelulusan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Menteri Kementerian Pengangkutan, Datuk Seri Dr Wee Ka Siong berkata, pihaknya memandangkan serius keluhan dan rungutan orang ramai mengenai harga tambang tiket penerbangan yang tinggi terutamanya kepada mereka yang sedang membuat persiapan untuk pulang meraikan Aidilfitri tahun ini

Katanya, berdasarkan pemerhatian MAVCOM pada Sabtu lalu harga tambang penerbangan sehala kelas ekonomi bagi tempoh penerbangan 27 April hingga 8 Mei (tempoh pemerhatian) adalah antara RM105 hingga RM1,398.

"Bagi 29 April hingga 1 Mei (tempoh puncak) harga tambang sehala adalah antara RM195 hingga RM1,398.

"Daripada julat harga tambang itu majoriti harga tiket penerbangan tersedia untuk pembelian bagi semua laluan ekonomi sehala ke Wilayah Sabah dan Sarawak pada tempoh yang dipantau hanyalah antara RM300 ke RM500.," katanya melalui kenyataan hari ini.

Wee berkata, keadaan ini berbeza sebelum dan pada 14 April di mana julat harga tambang penerbangan sehala bagi kelas ekonomi untuk tempoh pemerhatian adalah antara RM105 hingga RM2,084, manakala bagi tempoh puncak harga tambang sehala kelas ekonomi adalah antara RM195 hingga RM2,084.

"Daripada julat harga tambang itu majoriti harga tiket penerbangan ekonomi sehala adalah antara RM700 ke RM1,200.

"Sesungguhnya ini adalah berita yang menggembirakan kepada ahli Keluarga Malaysia yang ingin pulang ke Wilayah Sabah dan Sarawak memandangkan harga tiket penerbangan sudah turun dengan jumlah yang ketara," katanya.

Dalam pada itu, Wee merakamkan penghargaan kepada MAVCOM, Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) dan syarikat penerbangan domestik yang memberi kerjasama mencapai kata sepakat ini.